

Kikis sikap 'apa aku dapat'

— Datuk Shahrir

KUANTAN, Isnin — Ahli-ahli Umno diingatkan supaya mengikis sikap 'apa aku dapat' kerana ia berunsur menjaga kepentingan diri sendiri dan bercanggah dengan perjuangan parti.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Shahrir Abdul Samad, menegaskan, kejayaan seseorang di bidang ekonomi lazimnya ditentukan melalui ukuran kebendaan dan pencapaian peribadinya.

Oleh itu, jelasnya, bila seseorang itu kurang berjaya maka, timbullah dakwaan kononnya sesuatu dasar itu tidak sesuai diamalkan dan pemimpin yang memperkenalkannya tidak harus disokong.

Perjuangan

Dalam perjuangan kebangsaan, katanya, kejayaan bangsa adalah sebenarnya kejayaan diri sendiri.

Sebaliknya, kegagalan bangsa adalah juga kegagalan diri sendiri, tambahnya sewaktu merasmikan mesyuarat perwakilan Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno bahagian Kuantan di Dewan Bandaran di sini semalam.

"Dalam keghairahan Bumiputera merebut segala peluang ekonomi di bawah Dasar Ekonomi Baru sekarang, mungkin akan timbul sikap yang dipanggil 'apa aku dapat' di kalangan setengah-setengah ahli Umno.

"Mungkin ada yang mengamalkan sikap bahawa jika ia tidak dapat apa-apa, maka sesuatu dasar itu adalah tidak betul dan pemimpin berkenaan tidak patut disokong.

"Ini perlu dibanteras dalam Umno kerana di dalam perjuangan kebangsaan, penentuan kejayaan seseorang itu melalui ukuran pencapaian diri sendiri tidak boleh

digunakan. Kejayaan bangsa adalah kejayaan diri sendiri dan begitulah juga sebaliknya," kata Datuk Shahrir.

Beliau menambah, segala dasar kerajaan akan mencapai kejayaan sekiranya sikap tidak mementingkan diri sendiri ini dapat diserapkan ke dalam diri para pegawai Melayu di berbagai badan amanah kerajaan.

Lumayan

Sebaliknya, tegas beliau, sikap mementingkan diri sendiri boleh menyebabkan timbulnya berbagai masalah di dalam badan-badan berkenaan.

"Setiap cordik pandai

kita dibayar gaji yang lumayan dan mereka sepatutnya memberi tumpuan penuh terhadap segala tugas dan tanggungjawab mereka bagi menjamin kejayaannya.

"Umpamanya, bila seseorang profesional itu menyeleweng, ia bukan sahaja akan menjejaskan kedudukan peribadinya, tetapi juga menjejaskan bangsanya.

"Semangat tidak mementingkan diri sendiri ini jika dapat diserapkan kepada pegawai-pegawai Melayu di dalam badan-badan amanah kerajaan, tidak akan berlaku kegagalan atau timbul masalah di badan-badan berkenaan," katanya.